

13 MAY 1996

Umno-Iraq

UMNO DAN PARTI PEMERINTAH IRAQ KONGSI PENGALAMAN

KUALA LUMPUR, 13 Mei (Bernama) -- Parti pemerintah Iraq, parti Sosialis Arab Baath akan menandatangani perjanjian kerjasama dengan Umno bagi memperkukuhkan hubungan.

Seorang anggota kanan parti itu Hamid Rashid Al-Rawi berkata perjanjian itu akan membolehkan kedua-dua parti itu berkongsi pengalaman bagi faedah bersama.

Ketika bercakap kepada pemberita selepas mengunjungi Setiusaha Agung Umno Datuk Mohamed Rahmat yang juga Menteri Penerangan di ibu pejabat Umno hari ini, Hamid berkata Arab Baath dan Umno akan juga meningkatkan lagi kerjasama melalui pertukaran delegasi.

Hamid, yang diiringi oleh Duta Besar Iraq Mohammed Rifat, tiba di sini empat hari lepas untuk menghadiri perayaan ulang tahun ke-50 Umno Sabtu lepas.

"Saya yakin hubungan ini akan berterusan dan Umno telah mengambil pendirian yang positif ke arah memperkukuhkan lagi hubungan itu," katanya.

Beliau berkata rundingannya dengan Mohamed sangat berhasil dan cemerlang dan akan turut membantu mempertingkatkan hubungan yang "sangat baik" antara Iraq dan Malaysia.

Beliau berkata Presiden Saddam Hussein dan Timbalan Perdana Menteri Tariq Aziz juga mengucapkan tahniah kepada Presiden Umno dan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Umno bersempena jubli emas Umno itu.

Selepas itu, Mohamed menerima kunjungan Naib Presiden Parti Tindakan Demokratik Bosnia-Herzegovina, Hussein Zivalj dan seorang anggota kanan parti itu, Jen Sakib Mahmuljin.

Ketika bercakap kepada pemberita kemudian, Hussein berkata partinya yang diketuai Presiden Alija Izetbegovic berharap akan mempelajari lebih banyak tentang Umno dan kalau boleh melaksanakan sesetengah strateginya untuk menghadapi pilihan raya negara itu September depan.

"Kami ingin meneladani pengalaman Umno," kata beliau. -- BERNAMA

ES NMO